

24/04/1999

Menteri nafi ada simpanan di luar negara

JERTIH, Jumaat - Semua menteri Kabinet daripada Umno mengakui tidak mempunyai simpanan wang di dalam bank luar negara termasuk di Switzerland, kata Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Mohd Tajol Rosli Ghazali.

Katanya, pengakuan itu dinyatakan sendiri pemimpin terbabit kepada Perdana Menteri dalam satu pertemuan dengan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bagi memberi penjelasan berhubung dakwaan pihak tertentu, termasuk melalui Internet di negara ini.

Sehubungan itu, katanya, Dr Mahathir memberi kata dua kepada menteri Kabinet dan pemimpin Umno yang mempunyai simpanan di luar negara, termasuk mengambil tindakan menyingkirkan mereka daripada Kabinet.

"Umno mencabar pihak tertentu yang membuat tuduhan itu supaya membuktikan dakwaan bagi membolehkan kerajaan mengambil tindakan terhadap pemimpin terbabit," katanya selepas merasmikan mesyuarat perwakilan Umno bahagian Besut, di sini, hari ini.

Mohd Tajol berkata, minggu lalu penyebar fitnah menerusi internet sekali lagi menggunakan saluran itu untuk memburuk-burukan pemimpin kerajaan termasuk Perdana Menteri dan keluarga yang didakwa mempunyai simpanan wang di bank Singapura.

Malah, katanya, beberapa pemimpin lain termasuk beliau sendiri didakwa mempunyai simpanan AS\$2 juta, kononnya disimpan dalam sebuah bank di negara itu.

Katanya, tuduhan itu amat serius dan fitnah liar yang berniat buruk untuk menjatuhkan kepemimpinan negara menerusi dakwaan palsu dan tidak berasas.

Beliau berkata, penyebaran dakyah menerusi internet itu menggambarkan semua pemimpin kerajaan kini kaya raya kerana didakwa mempunyai wang simpanan yang banyak di luar negara.

Mohd Tajol berkata, disebabkan senarai nama ahli Kabinet dan pemimpin Umno yang didakwa mempunyai simpanan di negara jiran itu baru disebarkan pihak tertentu, beliau akan membawa perkara itu kepada mesyuarat Kabinet.

Beliau turut mencabar pihak terbabit yang turut menuduhnya mempunyai sejumlah wang disimpan di luar negara supaya memberi bukti dan jika benar, semua wang itu akan didermakannya kepada rakyat negara ini.

Sementara itu di MUAR, Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Muhyiddin Mohd Yassin, menyifatkan dakwaan bahawa beliau mempunyai simpanan tetap berjumlah lebih RM26 juta dalam Bank Of America di Singapura sebagai fitnah bermotif politik.

Beliau berkata, fitnah yang dianggapnya tohmahan yang besar itu disebarkan dalam Internet dan disedarinya sejak sebulan lalu, adalah tidak berasas serta menggunakan nombor passport palsu.

"Dakwaan ini semuanya tidak betul dan tiada tujuan lain selain nak burukkan nama dan menjatuhkan maruah. Konotasi dan implikasinya adalah untuk menunjukkan seolah-olah saya rasuah," katanya.

(END)